

MISI T-REX DAN TRICERATOPS

Sebaik sahaja membuka matanya, Danial mendapati dirinya berada di tengah-tengah hutan yang tebal. Kawasan ini benar-benar asing bagi Danial. Dia tidak pernah tiba di kawasan ini. Tumbuh-tumbuhan yang berada di sekelilingnya kelihatan besar.

Tiba-tiba, Danial terdengar bunyi yang kuat dan menggerunkan. Bumi seakan-akan bergegar. Danial mahu menyelamatkan diri. Dia mahu bersembunyi. Belum sempat Danial melarikan diri, dia melihat dua makhluk yang besar berada di hadapannya.

“T-Rex dan Triceratops!” jerit Danial ketakutan.

Dua ekor dinasour yang besar berada di hadapannya. T-Rex merupakan spesies dinasour yang sangat ganas. Triceratops pula dinasour yang kuat dan mempunyai dua tanduk yang keras. Danial mahu melarikan diri tetapi kakinya tidak terdaya untuk melangkah.

“Jangan takut, manusia. Kedatangan kami hanya untuk membantu manusia di bumi,” ujar dinasour.

“Membantu manusia? Apakah maksud kamu? Bukankah kamu dinasour yang sangat ganas?” soal Danial dengan berani.

“Saya dan Triceratops sudah berjanji untuk membantu dan memberikan kesejahteraan kepada semua penduduk bumi.”

“Bagaimanakah caranya?” tanya Danial lagi.





Lengkapkan tempat kosong dengan bandingan semacam yang tepat.

1. Alif dan Haikal tidak terangkat mesin yang _____ macam batu itu.

berat

kasar

besar

kesat

2. Bilik pameran sains itu sungguh _____ macam pasar.

busuk

riuh

ramai

gelora

3. Suasana dalam bilik pembedahan itu _____ macam tasik.

hening

senyap

diam

tenang

4. Rizal menurut segala arahan yang disuruh oleh ketuanya kerana dia lurus macam _____.

bendul

pembaris

sesiku

kekisi

5. Muka budak itu pucat macam _____ apabila melihat dinasour yang besar itu.

cacing

bayi

mayat

harimau

6. Lelaki yang tinggi macam _____ itu seorang saintis.

galah

bangunan

pokok

tiang



UNIT 18



Kreativiti dan Inovasi



1. Hasilkan lakonan berdasarkan bahan.
2. Berikan respons anda secara bertatasusila.

Minggu Inovasi

Ayuni, Vivian dan Cikgu Zarina berbincang tentang penghasilan brosur yang bakal diedarkan kepada warga sekolah bersempena dengan Minggu Inovasi dua minggu lagi.

Selamat pagi, cikgu.

Kami minta diri dulu.

Apakah aktiviti yang bakal dijalankan?

Ada apa-apa yang perlu kami bantu?

Biar kami bantu cikgu sediakan brosur.

Terima kasih, cikgu.

MINGGU INOVASI
Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Laksamana

8 hingga 12 Julai 20□□

Aktiviti

- Demonstrasi payung terjun
- Pertandingan robotik
- Cipta kapal terbang magnet
- Eksplorasi sains



Sensor Elektronik Tekan Tubi



Baca dan fahami maklumat yang diberikan, kemudian ringkaskan maklumat tersebut.

Maklumat Guru Inovatif

Mohd Rizdwan bin Mohd Noor
Sekolah Menengah Kebangsaan
Penang Free, Pulau Pinang

Nama Bahan Inovasi:
Sensor Elektronik Tekan Tubi

Kategori:
Individu Sekolah Menengah

Anugerah:
Anugerah Guru Inovatif
Individu Sekolah Menengah
Peringkat Kebangsaan 2018
(Naib Johan)

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Encik Ahmad Raihan bin Hakim, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Dua, Puan Mastura binti Abu, Guru penolong kanan pentadbiran, guru-guru, serta murid-murid yang saya hormati sekalian. Tajuk ceramah yang akan saya sampaikan pada hari ini ialah “Kelebihan Sensor Elektronik Tekan Tubi”.

Hadirin sekalian,

Sensor Elektronik Tekan Tubi merupakan alat yang dicipta bagi mengukur tahap daya tahan otot dan kekuatan otot bahagian atas badan murid dalam ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK). Ujian SEGAK dilaksanakan kepada semua murid sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia. Alat yang dihasilkan dengan kos yang murah ini boleh digunakan di kawasan yang lapang dan rata.

Kelebihan alat ini pula ialah alat ini sangat ringan dan mudah dibawa, memberikan tumpuan kepada kekuatan otot dan dapat mengurangkan kesilapan dalam pengiraan. Alat elektronik tekan tubi ini bukan sahaja dapat membantu guru mengendalikan ujian SEGAK dengan lebih efisien malah mampu merekodkan laporan kecergasan murid dengan lebih tepat.

2.3.3 Membaca dan meringkaskan maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.

Hadirin sekalian,

Seterusnya, saya akan menerangkan cara-cara penggunaan alat ini agar dapat digunakan oleh murid-murid dengan mudahnya dan pantas. Mula-mula luruskan tangan sambil tapak tangan diletakkan rapat ke atas alat. Kemudian, laraskan sensor pada bahu anda. Turunkan tangan dengan membengkokkan siku sehingga 90 darjah. Ketika aktiviti ini dilakukan, sensor akan menyala. Sekiranya, lampu tidak menyala, laraskan aktiviti sensor dua. Naikkan badan semula sambil tangan diluruskan seperti kedudukan asal. Kemudian, tekan butang dan mula lakukan tekan tubi.



Untuk makluman hadirin sekalian, masa bagi aktiviti ini akan dijalankan secara automatik. Tekan tubi ini akan dijalankan selama satu minit, manakala skor akan dikira sekiranya murid-murid dapat melengkapkan semua prosedur yang dinyatakan sebentar tadi. Namun demikian, sekiranya murid tidak berupaya meneruskan tekan tubi, skor akan diambil setakat murid itu berhenti sahaja. Ujian yang dilakukan akan tamat secara automatik.

Semoga para guru dan murid mendapat manfaat daripada ceramah yang saya sampaikan sebentar tadi.

Sekian, terima kasih.



Menulis

LEGO dan Robot



Aktiviti

Bina perenggan dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk.

Bengkel Aplikasi LEGO 3.0

Anjuran: Kolej Putera

| | |
|-------------------|---|
| 8:00 pagi: | Pendaftaran |
| 9:00 pagi: | Slot 1: Pengenalan komponen LEGO dan pemasangan robot |
| 10:30 pagi: | Rehat dan kudapan |
| 11:00 pagi: | Slot 2: Pengaturcaraan robot LEGO |
| 1:00 tengah hari: | Rehat, merarau dan solat |
| 2:00 petang: | Persediaan bagi cabaran robot |
| 3:30 petang: | Pertandingan cabaran robot bermula |
| 5:00 petang: | Penyampaian sijil dan cenderamata |

Tarikh:

SESI 1: 20 Julai 20

SESI 2: 21 Julai 20

Masa:

8:00 pagi hingga 5:00 petang

Terbuka kepada semua murid menengah rendah (Kelas Peralihan hingga Tingkatan Tiga)

Tempat:

Dewan Seminar Kolej Putera


Yuran Penyertaan:

RM30.00 (individu)

RM50.00 (berkumpulan)

Sebarang pertanyaan boleh hubungi

Encik Tarmizi bin Ahmad 012-12345678





Dulu Sukar Kini Mudah



Teliti bahan. Hasilkan satu karya kreatif dan persembahkan.

“Apakah yang kau menungkan tu, Amir?” soal Pak Jamal sambil tersenyum.

“Amir sedang berfikir tentang cara-cara untuk membantu pembeli kita menikmati durian dengan mudahnya. Alangkah baik sekiranya Amir dapat mencipta sebuah alat untuk membelah durian yang mudah dibawa ke mana-mana. Amir mahu menyediakan sebuah mesin pengupas yang ringan. Besinya tahan karat. Mesin itu boleh mengupas durian dengan mudahnya, bersihnya dan pantasnya.”

Pak Jamal ketawa mendengar kata-kata anak bongsonya itu. Sejak kecil lagi, anak bongsonya itu memang gemar mencipta pelbagai peralatan. Kini, setelah bergelar mahasiswa, ada sahaja idea baharu yang ingin dikongsikan bersama-sama ayahnya.

“Kenapa ayah ketawa?” Soal Amir kehairanan.

“Sudah bertahun-tahun, ayah menjual durian di kedai kita. Parang itulah yang ayah gunakan. Tiada sebarang masalah pun sewaktu ayah menjual durian kita kepada para pelanggan.”

“Betul kata ayah tu tapi ada baiknya jika kita mempunyai mesin pengupas durian. Bukan semua orang tahu mengupas buah durian. Dengan adanya mesin itu nanti, tentu kerja kita menjadi mudah.”

“Jadi, apa rancangan Amir?”

“Amir bercadang...”



Info Bestari

Mesin pengupas durian dicipta bagi menggantikan alat seperti parang yang dapat membantu pengguna mengupas durian dengan mudah dan pantas.



4.4.1 Mempersembahkan karya yang dihasilkan secara kreatif dan berkesan.




Pakar Robotik



1. Berdasarkan bahan kenal pasti pola ayat.
2. Bina ayat yang betul dengan menggunakan pola ayat tersebut.

Sofia berumur 13 tahun. Dia bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Bakti. Sofia sangat berminat dalam bidang robotik. Dia telah menyertai satu bengkel penghasilan robotik di sebuah pusat sains. Dia mempelajari pelbagai kemahiran bagi mencipta robot. Sofia dan pasukan sekolahnya telah menyertai satu pertandingan robotik. Mereka berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan kemenangan mereka. Walaupun mendapat saingan yang sengit, mereka telah menjadi juara dalam pertandingan tersebut.



Frasa Nama + Frasa Nama
(FN+FN)

Sofia

+

murid tingkatan I

+



**Frasa Nama + Frasa Kerja
(FN+FK)**

| | | |
|--------|---|--------------------|
| Mereka | + | menyusun peralatan |
| | + | |



**Frasa Nama + Frasa Sendi
(FN+FSN)**

| | | |
|------------|---|------------------------|
| Roda robot | + | daripada bahan terbang |
| | + | |



**Frasa Nama + Frasa Adjektif
(FN+FA)**

| | | |
|--------------------------|---|--|
| Sofia dan rakan-rakannya | + | bangga kerana memenangi pertandingan robotik |
| | + | |



TITABOS



1. Baca dan fahami teks.
2. Senaraikan isi-isi penting.

TITABOS (nama yang direka daripada frasa *Timetable Book Selector*) atau alat pemilih buku berasaskan jadual waktu yang boleh digunakan oleh murid sekolah untuk membantu memilih buku dengan merujuk jadual waktu. Produk yang menggunakan kod berwarna dan alat pengesan warna ini telah dihasilkan oleh Aleesya Faiz Zuhainie dari Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Alam, Masai, Johor.

Konsep kad berwarna dan diod pemancar cahaya (LED) digunakan dalam alat ini kerana alat ini mudah dibezakan dan dapat menarik minat kanak-kanak untuk mengemas buku sendiri. TITABOS ini berfungsi dengan cara memasukkan kad berwarna pada slot penerima warna (*colour sensor*). Kemudian, diod pemancar cahaya yang telah ditetapkan pada buku berdasarkan subjek akan menyala



mengikut kad warna yang telah ditetapkan. Dengan menggunakan TITABOS, kanak-kanak yang berusia seawal umur tujuh tahun dapat menyusun dan mengemas buku sendiri dalam tempoh kurang daripada 10 saat.

TITABOS mempunyai banyak kelebihan. Antara kelebihan TITABOS termasuklah mempercepat proses pemilihan buku berdasarkan jadual waktu. Seterusnya, alat ini dapat meringankan beban pengguna terutama murid sekolah rendah. Selain itu, TITABOS hanya menggunakan tenaga elektrik yang sangat rendah, iaitu pada kadar lima voltan sahaja. TITABOS juga tidak menggunakan ruang yang besar dan boleh dipasang pada rak buku yang sedia ada.

Kesimpulannya, penggunaan TITABOS dapat menjadikan kanak-kanak lebih bertanggungjawab dan mampu berdikari tanpa bantuan ibu bapa. Dalam menghadapi alaf baharu ini, kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid amat diperlukan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada majalah *Dewan Kosmik* September 2018)



Celik Bahasa



Aktiviti

Berdasarkan bahan, ceritakan riwayat hidup sebuah komputer riba.

Aku Sebuah Komputer Riba



1

Aku sebuah komputer riba



2

Kilang



3

Menaiki sebuah lori



4

Dipamerkan
di kedai-kedai terpilih



5

Dibeli oleh
seorang pemuda



6

Digunakan dengan cermatnya



Anda dan rakan telah berkunjung ke Karnival STEM.
Tuliskan pengalaman anda.

KARNIVAL STEM

Pertandingan

- Inovasi STEM (sekolah menengah dan sekolah rendah)
- Ajaibnya Matematik
- Bercerita tentang STEM


Tarikh:
7-9 September 20

Masa:
10.30 pagi

Tempat:
Dewan Aman

Program STEM

- Bengkel Asas Robotik
- Bengkel Kerjaya STEM
- Bengkel Astronomi



Info Bestari

Pendidikan STEM merupakan pengintegrasian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik sebagai kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan. Pendidikan STEM menekankan konsep berpanduan komunikasi, kerjasama, kreativiti dan pemikiran kritikal.



ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

- Apakah peranan kita dalam usaha memelihara alam sekitar?
- Nyatakan kaedah yang boleh dilakukan untuk memelihara alam sekitar
- Bagaimanakah teknologi hijau dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar?

UNIT 19



Bumi Hijau



Dengar rakaman audio dengan telitinya, kemudian nyatakan maklumat yang terdapat dalam pengumuman tersebut dengan betulnya dan tepatnya.

Hijaukan Sekolah Kita

Sekolah Menengah Kebangsaan Perdana Jaya akan mengadakan pertandingan bersempena dengan Minggu Alam Sekitar. Sebagai ketua kelas, anda diminta menyampaikan maklumat tersebut kepada rakan kelas.



Info Bestari

Terarium ialah tanaman yang diisi dalam balang kaca atau akuarium yang menyerupai persekitaran alam yang sesuai untuk dekorasi.



Eksplorasi Minda

Layari laman sesawang yang berkaitan untuk mendapatkan idea bagi menghasilkan terarium.

1.2.1 Mendengar dan menyebut maklumat yang terdapat dalam arahan, pesanan serta pengumuman ringkas dengan betul dan tepat.

PERTANDINGAN TERARIUM

12 hingga 25 September 20□□

Hijaukan Sekolah Kita

Tempat pertama:

RM300.00

Tempat kedua:

RM200.00

Tempat ketiga:

RM100.00

Hadiah sugu hati:

RM50.00

Objektif program:

**Memupuk sikap bertanggungjawab
dan mencintai alam sekitar
dalam kalangan murid.**

Hantar penyertaan kelas anda kepada Puan Indra sebelum 30 Ogos 20□□



Tanaman Dinding



1. Baca petikan dengan telitinya, kemudian catatkan maklumat dengan menggunakan teknik CHATT.
2. Kongsikan maklumat dengan rakan.

Tanaman dinding hijau merupakan satu inovasi dalam sektor pertanian. Tanaman ini juga berfungsi sebagai penyerap haba dan menyejukkan persekitaran. Hal ini demikian kerana tanaman dinding hijau dapat meningkatkan tahap oksigen dan mengurangkan karbon dioksida.

Kaedah ini boleh digunakan sama ada di dalam atau di luar bangunan. Tanaman akan ditanam dalam bekas seperti palung air hujan, pasu plastik, botol plastik, kain guni dan kotak kayu. Pada dasarnya, penanaman cara ini menggunakan konsep tanaman hidroponik. Tanaman dibiak menggunakan bahan selain tanah seperti air, sabut kelapa, *lecca balls*, *perlite* dan arang.

Keseluruhannya, kaedah ini merupakan inisiatif terbaik untuk meningkatkan kualiti udara yang lebih segar dan bersih.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada www.kosmo.com.my/inovasi-pertanian - Mac 2018)



Info Bestari

Dinding hijau ialah dinding bangunan yang dilitupi dengan tumbuh-tumbuhan hijau daripada kumpulan pokok renek, pokok menjalar dan pokok hiasan yang bertujuan untuk mengurangkan suhu panas dalam bangunan.

2.3.2 Membaca dan meringkaskan maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.



Selamatkan Khazanah Negara



Berdasarkan maklumat, tulis sebuah karangan tentang langkah-langkah menjaga alam sekitar.



Keluarga dan masyarakat

- mengasingkan bahan buangan mengikut jenis
- mengadakan program gotong-royong dalam kalangan masyarakat setempat

Langkah-langkah Menjaga Alam Sekitar



Sekolah

- menubuhkan Kelab Pencinta Alam
- menjalankan program kitar semula



Kerajaan

- menguatkuasakan undang-undang
- melancarkan kempen alam sekitar

3.5.2 Membina perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan kesimpulan bagi penulisan karangan dengan betul dan kreatif.



Simfoni Jiwa



1. Berdasarkan sajak, lengkapkan bandingan semacam dengan huruf yang bercetak tebal.
2. Bina ayat menggunakan bandingan semacam tersebut.

Indahnya Teratak Ilmuku

Sinar pagi yang **cerah**
membangkitkan semangatku
menuju ke pintu ilmu
diiringi tiupan angin segar
dan kicauan burung yang **merdu**.

Aneka flora di pinggir pagar
mekar berkembang **harum** mewangi
menguntum senyuman padaku
mengucapkan selamat pagi
sambil melambai-lambai padaku.

Deruan air di kolam kecil
mendamaikan hatiku
ikan-ikan berenang **tenang**
dalam air yang **jernih**
seperti mendoakan kejayaanku.

Hamparan **hijau** menghias taman
menyejukkan mata menenangkan jiwa
terus melindungi teratak ilmuku
daripada pancaran **merah** mentari
yang melepaskan bahang peritnya.

Gagah berdiri teratak ilmuku
teruslah menghijau dan berseri
memberi ilmu dan bakti
untuk generasi kini.

Nukilan,
Salasiah Sabran
Kuala Lipis.

- 4.2.1 Memahami dan menggunakan bandingan semacam dalam komunikasi dan penulisan dengan betul mengikut konteks.

Bermula dari Rumah



1. Berdasarkan maklumat, bina ayat lengkap tentang aktiviti kitar semula yang anda lakukan di rumah.
2. Bentangkan hasil tugasan anda menggunakan teknik *Stay and Stray*.

Bahan Kitar Semula



Hasil atau Produk Baharu



Contoh

| Subjek | Predikat |
|---------------|-----------------------|
| Botol plastik | boleh dikitar semula. |

5.2.1 Memahami dan menggunakan subjek dan predikat dalam pembentukan ayat dengan betul mengikut konteks.



Bina perkataan yang berawalkan dan berakhirkan huruf yang diberi. Gunakan petunjuk sebagai panduan mencari jawapan.

Lingkaran Kekata



Awalan "a"

1. Bahan bakar.
2. Jika kita melihat pencemaran, kita hendaklah membuat _____ kepada pihak berkuasa.
3. _____ kertas, kaca dan plastik ke dalam tong kitar semula.
4. Sikap _____ berat terhadap alam sekitar perlulah ada dalam diri setiap rakyat Malaysia.

Akhiran "a"

5. Kata lain bagi tumbuhan.
6. Kata lain bagi haiwan.
7. Tidak boleh dilihat tapi boleh dirasa.
8. _____ orkid terdapat di hutan.

UNIT 20



Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam



Berdasarkan bahan, berikan pendapat anda tentang kepentingan bidang pekerjaan tersebut terhadap alam sekitar dengan menggunakan teknik Fikir-Pasang-Kongsi.

Hero Alam Sekitar

Arkitek Landskap



Pegawai Perhutanan



Saintis Alam Sekitar

1.5.1 Menyatakan pendapat tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.



Kempen Lestari



Baca maklumat dengan telitinya, kemudian hasilkan poster untuk menggalakkan rakan anda menyertainya.

> Pengenalan

> Jawatankuasa

> Aktiviti

> Daftar



Sertai Rakan Pencinta Alam

Daftar Keahlian:

KLIK SINI



Kumpulan sasaran penyertaan keahlian Rakan Pencinta Alam terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira peringkat umur.

2.4.1 Membaca dan memahami bahan bukan sastra bagi mendapatkan maklumat dan menggalakkan pemikiran kreatif.



Tujuan penubuhan Rakan Pencinta Alam:

1. Memberikan kesedaran tentang kepentingan alam sekitar kepada masyarakat.
2. Menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan.

Program yang dijalankan:

- Minggu Alam Sekitar Malaysia yang diadakan enam bulan sekali.
- Debat Alam Sekitar untuk golongan mahasiswa.
- Modul Sekolah Lestari untuk murid di sekolah menengah dan sekolah rendah.
- Modul Prasekolah Lestari untuk kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun.
- Wira Alam menyediakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- Anugerah Langkawi dianjurkan untuk memberikan pengiktirafan kepada individu dan organisasi yang telah mencapai kecemerlangan dalam menyumbangkan kepakaran, buah fikiran, tenaga dan masa dalam bidang alam sekitar.

Yuran keahlian: RM30.00 setahun

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Blog Rakan Alam Sekitar*)



Kempen Lestari



Bacakan petikan berita kepada rakan anda, kemudian minta rakan anda mengimlak perenggan yang dibacakan dengan tepat.



RAUB, 3 Oktober - Merawat lebih baik daripada mengubati. Ungkapan ini sesuai dengan usaha berterusan Mesra Alam Mega Berhad yang komited memelihara dan memulihara alam sekitar.

Menerusi usaha itu, program Kempen Lestari terus menjadi program tahunan bagi mewujudkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar khususnya dalam kalangan remaja.

Ketua Pegawai Eksekutif Mesra Alam Mega Berhad, Datuk Baharuddin bin Hassan berkata bahawa program yang berinspirasi tema Masa Hadapan Dunia di Tangan Anda sangat bertepatan dan sekali gus menjadi kesinambungan program Mesra Alam yang berpaksi kepada kesedaran dan penghargaan terhadap alam sekitar.

Oleh sebab itu, seramai 40 orang anak kakitangan Mesra Alam Mega Berhad telah dibawa menyertai program selama tiga hari. Program ini bertujuan memupuk semangat cinta akan alam sekitar dan membina jati diri.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada [http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/pahang/sedarlah-hargailah-alam-sekitar/03 Oktober 2017](http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/pahang/sedarlah-hargailah-alam-sekitar/03%20Oktober%202017)).



Kembalikan Ceriaku



Berdasarkan bahan, hasilkan sebuah cerita pendek.



4.3.2 Menghasilkan penulisan prosa dengan betul dan kreatif.



Kuala Gula Santuari Burung



1. Baca e-mel, kemudian kenal pasti kesalahan perkataan dalam ayat dengan tepat.
2. Betulkan kesalahan perkataan tersebut dan tulis semula ayat yang betul.

Selamat sejahtera, sahabatku Lee. Apa khabar? Semoga kamu sihat disamping keluarga tersayang.



Tujuan saya mengutus e-mel kepada kamu adalah untuk menceritakan pengalaman saya bercuti ke Kuala Gula, Perak pada minggu lalu. Kuala Gula adalah tempat persinggahan burung-burung daripada seluruh dunia. Burung-burung ini menjadikan Kuala Gula sebagai tempat persinggahan kerana perubahan angin monsun pada bulan April hingga bulan Ogos pada setiap tahun. Burung-burung ini akan bersarang, bertelur, dan beranak di kawasan ini sebelum kembali ke tempat asal mereka.

Sahabatku,

Semasa sampai di Kuala Gula, saya melihat banyak pokok-pokok bakau di kawasan berpayau. Terdapat anak-anak ikan, cacing dan siput yang merupakan sumber makanan burung-burung. Pada waktu petang, saya berjalan-jalan di tepi pantai sambil memerhati berbagai spesies burung. Spesies burung yang saya ketahui hanyalah burung botak kecil dan burung kedidi kaki hijau. Terdapat juga chalet-chalet untuk para-para pelancong yang ingin bermalam di situ. Semasa saya di sana, terdapat juga pelancong dari Australia, Jepun dan eropah yang turut bercuti. Mereka membawa kamera untuk mengambil gambar burung-burung dan pemandangan indah di Kuala Gula.

Sahabatku,

Jika ada kelapangan di masa akan datang bolehlah kami mengunjungi Kuala Gula bersama. Baiklah, setakat ini dahulu coretan saya. Semoga kita dapat berhubung lagi.





Imlak perenggan yang didengar dengan betul.

Dinginnya Sungaiiku

Soon Han tinggal di Kampung Sejahtera. Rumahnya berdekatan dengan sungai. Pada setiap pagi, Soon Han akan bangun awal untuk berjoging dari rumahnya ke hulu sungai. Dia akan melalui jalan kecil yang sejuk dan berkabus. Udara di sepanjang jalan itu sungguh segar. Sesekali, terdengar kicauan burung yang memecah kesunyian.

Setibanya di sungai, Soon Han duduk di atas batu besar di pinggir sungai. Dia merendamkan kakinya ke dalam air sungai. Air sungai di situ sangat jernih sehingga kelihatan ikan-ikan berenang. Tiada sampah sarap dan pencemaran berlaku di sungai ini kerana penduduk kampung sering mengadakan gotong-royong.





1. Susun huruf bagi membentuk perkataan sama erti dengan perkataan yang diberi.
2. Bina ayat tunggal menggunakan perkataan tersebut.

SEJUK

NIGDIN

LANSIU

KICAUAN

SEGAR

MANYAN

TERAMNET

DAMAI

PERLINDUNGAN

ARITUSAN

REAREKSI

RIADAH

JENIS

SIESSPE

DNAIH

CANTIK

TEROPONG

NOBILARKU

HATAMARI

MENTARI



Lakonkan situasi di bawah dengan menggunakan ayat yang tepat secara bertatasusila.

Manfaat Sisa Makanan

Anda ingin menghasilkan baja kompos daripada sisa makanan di rumah. Hubungi Siva untuk mendapatkan bantuan bagi menghasilkan baja tersebut.



Bahan-bahannya:

1. Bekas kedap udara
2. Larutan masin air, kulit buah-buahan atau sayur-sayuran dan garam
3. Larutan manis air, tauhu, tempe, cendawan, yogurt dan gula
4. Daun-daun kering
5. Sisa makanan nasi, sayur-sayuran, buah-buahan, daging, ikan dan ayam

Siva, bolehkah kamu bantu saya membuat baja kompos? Apakah bahan-bahan yang diperlukan?

Boleh. Saya akan menerangkan cara-cara membuat baja kompos.



Eksplorasi Minda

Jalankan projek membuat baja kompos daripada sisa makanan di rumah anda.

1.6.1 Menyatakan permintaan untuk mendapatkan **barangan** atau **perkhidmatan** dengan menggunakan ayat yang tepat secara bertatasusila.



Selamatkan Lautan Mutiaraku



Baca bahan, kemudian pindahkan maklumat yang anda peroleh dalam bentuk peta pemikiran yang sesuai.

Raja Mutiara

Oleh: Iwana Amanda

Keadaan dalam laut yang tercemar akibat tumpahan minyak dan sisa buangan menyebabkan banyak hidupan laut yang mati



Mana anakku...? Tolong... carikan anakku.

Adakah kamu tahu di mana anakku?

Mari kawan-kawan, kita bantu ikan paus mencari anaknya.

Dalam keadaan laut yang gelap dan tercemar ini tentu kau sukar mencarinya. Jangan risau kami akan membantu!

Ini semua berpunca daripada perbuatan manusia. Tergamak mereka membuang sisa minyak ke dalam laut kita. Biar aku serang kapal mereka itu!

Sabar ikan paus. Tumpahan minyak semakin banyak. Mari kita cari anak kau dahulu.



Tiba-tiba muncul sinaran putih dan bercahaya di dalam laut.

Semua hidupan laut terkejut apabila melihat cahaya itu. Buih-buih seperti mutiara muncul dengan banyak dan berkilau-kilau.

Siapakah itu? Manusia durjana di atas kapal itukah?

Beta ialah Raja Mutiara. Beta yang menjaga keselamatan laut ini. Hari ini beta lihat banyak kemusnahan telah berlaku. Beta akan melindungi kamu semua.

Wahai tenteraku yang mempunyai kesaktian, muncullah di lautan ini! Hapuskan semua kerosakan yang berlaku. Kembalikanlah keindahan dan keselamatan laut ini.

Tuanku Raja Mutiara, terima kasih atas kehadiran tuanku. Kami telah kehilangan banyak nyawa. Bantulah kami, tuanku...

Muncul tentera Raja Mutiara dalam pelbagai bentuk dan rupa. Masing-masing mempunyai kesaktian yang luar biasa.

Kita sudah mendapat kembali keindahan dan keamanan lautan ini. Beta akan memastikan manusia durjana yang membuat kerosakan tidak akan mengulangi perbuatan ini lagi.

Dengan kuasa kesaktian mereka, permukaan laut kembali terang, cerah dan biru berkilau. Pemandangan di dasar laut menjadi indah seperti sebuah istana.



Baja Organik dan Baja Kimia



Berdasarkan petikan, imlak perenggan yang dibacakan dengan tepat.



BAJA ORGANIK



BAJASEBATIAN

Baja ialah sebatian kimia yang diberikan kepada tumbuh-tumbuhan untuk menggalakkan pertumbuhan pokok. Baja digunakan ke atas tanah, tetapi boleh juga diletakkan terus pada akar pokok atau disemur pada daun tumbuhan.

Baja organik dihasilkan daripada bahan organik yang telah mengalami proses pereputan sepenuhnya. Bahan organik semula jadi ini boleh didapati daripada sumber tumbuhan atau najis haiwan. Bahan organik yang telah mengalami proses penguraian dikitar semula sebagai kompos. Peranan utama baja organik adalah untuk membaiki struktur tanah, meningkatkan pegangan air dan nutrien serta membantu menyuburkan tanah.

Baja kimia ialah baja buatan yang mengandungi bahan-bahan kimia atau bahan galian. Setiap baja ini mengandungi peratusan tertentu daripada satu atau lebih unsur nutrien utama seperti nitrogen, fosforus dan kalium.

Kesimpulannya, baja penting untuk membekalkan nutrien bagi memenuhi keperluan tumbesaran pokok.

(Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani)



Sayanggi Floraku



Berpandukan bahan dan rangkai kata, hasilkan sebuah sajak.

negara sejahtera
alam terpelihara

selamatkan bumi
sayangi khazanah alam

keluarga bahagia
keselamatan terpelihara

amalkan nilai murni
alam sekitar harmoni

**GUNAKAN
SAYA**

4.3.1 Menghasilkan penulisan pantun dan sajak dengan betul dan kreatif.



Ekspedisi ke Puncak



Catatan diari ini mengandungi kesalahan ayat. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut.

Sabtu/14 Mei/8:30 malam.

- Esok hari aku akan mengikuti ekspedisi mendaki Gunung Senyum di Temerloh, Pahang. Rakan-rakan mengajak aku menyertai mereka. Ekspedisi ini merupakan program yang Kelab Pencinta Alam anjurkan.
- Aku berdebar-debar kerana ini adalah pertama kali aku menyertai aktiviti mendaki.
- Menurut rakanku, Encik Mohan akan menjadi jurupandu pendakian kami?
- Aku tertanya-tanya, apa barangankah yang harus dibawa esok. Aku hanya diingatkan supaya membawa barang yang perlu sahaja. Contohnya air mineral, sedikit makanan dan sarung tangan. Lain-lain barang tidak pula diberitahu.
- Esok kami akan membersihkan kawasan yang kami lalui kalau-kalau terdapat sampah sarap seperti plastik beg, botol minuman, kertas dan tin yang dibuang di hutan itu.
- Kami dimaklumkan akan melalui pendakian kurang lebih satu jam. Aku agak bimbang membayangkan jalan-jalan berliku yang akan kutempuhi esok. Namun,aku berharap ekspedisi ini akan berjaya.
- Selain daripada itu, aku berdoa agar semua ahli ekspedisi ini berjaya mendaki dengan selamat.

5.3.2 Menganalisis dan membetulkan pelbagai kesalahan ayat dengan tepat.



Berdasarkan petunjuk yang diberikan, lengkapkan permainan menangga kata.

Petunjuk:

1. Punca pembakaran.

□ p □

2. Hasil daripada bahan yang dibakar.

□ s □ p

3. Sesuatu yang bertiup.

□ n g □ □

4. Kata lawan kepada asid.

a □ k □ □ i

5. Hidupan air.

□ k □ □ t □ k

6. Lautan kedua terbesar di dunia.

a □ □ □ n □ i □

7. Lapisan yang melindungi bumi
daripada pancaran matahari.

□ t □ □ s f □ □ a




1. Bina perkataan baharu menggunakan huruf-huruf pada perkataan yang diberikan.
2. Cari makna perkataan tersebut dengan merujuk kamus.

Tumbuhan




Hutan

Lestari




Pelihara



Bersih



Sejahtera



Kumpul mata terbanyak anda.
Kira mata bagi perkataan yang anda bina berpandukan skala di bawah:

- 2 hingga 4 huruf = 3 mata
- 5 hingga 7 huruf = 5 mata
- 8 hingga 9 huruf = 7 mata

EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

- Apakah yang anda faham tentang ekonomi?
- Nyatakan peranan Kelab Keusahawanan Sekolah anda.
- Bagaimanakah anda merancang kewangan?

UNIT 22



Ekonomi Dinamik Hidup Sejahtera



Berdasarkan bahan, bersoal jawab dengan rakan anda tentang manfaat mempunyai hobi yang menjanakan pendapatan.

Pengusaha Patin



1.3.2 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara menggunakan perkataan, ungkapan dan sebutan yang betul serta intonasi yang sesuai secara bertatasusila.

Pada mulanya, saya mengusahakan penternakan ikan patin ini secara kecil-kecilan sahaja. Namun begitu, setelah menerima permintaan yang tinggi dari semasa ke semasa, saya mendapati perusahaan ini berpotensi untuk dimajukan. Berpegang pada prinsip, alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan, saya telah bertekad untuk mengembangkan lagi perusahaan ini. Saya memasarkan ikan patin kepada peraih, pengusaha restoran dan orang perseorangan. Pada pendapat saya, untuk mencapai sesuatu kejayaan, kita haruslah rajin, gigih dan tidak berputus asa dalam mengusahakan sesuatu pekerjaan, bak kata pepatah usaha tangga kejayaan.



Menu Ikan Patin



Patin masak tempoyak



Patin goreng berlada



Patin masak asam pedas



Patin masak pais



Info Bestari

Ungkapan ialah susunan kata yang mempunyai maksud tertentu, yang digunakan dalam tulisan dan pertuturan. Ungkapan boleh ditemukan dalam bentuk bidalan, pepatah, kata pujangga, perbilangan, gurindam, seloka, tamsil, peribahasa, simpulan bahasa, ibarat dan perumpamaan.



Perintis Usahawan Muda



1. Berdasarkan bahan, nyatakan maklumat yang anda peroleh.
2. Sekiranya anda seorang usahawan muda, promosikan produk anda secara kreatif dan menarik.



Kelab Ikan Laga PPKI SMKKS

@kelabikanlagappki

Halaman

Perihal

Video

Gambar

Perihal

Suka

Cipta Halaman

Kami menjual ikan laga dan memberikan nasihat tentang kaedah membelanya. Untuk maklumat lanjut sila layari www.ikanlagasekolah.edu.my atau hubungi Encik Faizal bin Paimen 015-664 XXXX

Suka Mengikuti Kongsi

Hantar Mesej



Kelab Ikan Laga PPKI

16 Jam

- Kelab ini ditubuhkan untuk memupuk minat murid dalam bidang perniagaan.
- Membimbing murid melakukan urusan jual beli ikan laga secara dalam talian, iaitu *Facebook*.
- Mendidik murid menguruskan buku rekod belian dan jualan ikan laga.
- Memupuk sikap jujur dan amanah dalam kalangan murid.
- Melahirkan murid yang berani dan bertanggungjawab semasa memulakan perniagaan.

Jemput kawan untuk menyukai halaman ini

Halaman Rasmi Kelab Ikan Laga PPKI SMKKS

20,803 orang menyukai ini dan 20,779 mengikuti ini

Perihal

Lihat Semua

twitter.com/kelabikanlagappki

Artis



Ikan Laga Jantan

RM6.00 seekor

Ikan Laga Betina

RM7.00 seekor

Ikan Laga Ekor Kuning Jantan

RM8.00 seekor

Ikan Laga Ekor Kuning Betina

RM10.00 seekor

Ikan Laga Ekor Merah Jantan

RM10.00 seekor

Ikan Laga Ekor Merah Betina

RM12.00 seekor

2.4.1 Membaca dan memahami pelbagai bahan bukan sastera bagi mendapatkan maklumat dan menggalakkan pemikiran kreatif.